

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/6/2008

# Biar kerajaan tentukan kes liwat Anwar – Dr. Mahathir

**BUKIT TINGGI** 29 Jun – Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, ter-  
pulang kepada kerajaan untuk menentu-  
kan sama ada benar atau tidak dakwaan  
bahawa Penasihat Parti Keadilan Rakyat  
(PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim meli-  
wat seorang pembantunya.

“Ini kes baru. Kita tengoklah apa  
pihak polis nak kata. Apa pihak keraja-  
an nak kata,” katanya selepas bertemu  
Presiden Bosnia dan Herzegovina, Dr.  
Haris Silajdzic semasa lawatan presi-  
den itu ke Colmar Tropicale dan Japa-  
nese Village di sini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata se-  
perti biasa Anwar sudah pasti tidak men-  
gaku kesilapannya, walaupun jika mah-  
kamah memutuskan beliau bersalah.

Semalam, seorang lelaki berumur 23  
tahun membuat laporan polis mendakwa  
diliwat oleh pemimpin pembangkang itu  
pada 26 Jun lepas di sebuah tempat di ibu

negara.

Dalam reaksi balasnya, Anwar menafi-  
kan dakwaan meliwat pembantunya itu  
sambil menyifatkan dakwaan terbaru itu  
“hanya rekaan semata-mata” yang bertu-  
juan untuk menyekat kebangkitan karier  
politikinya selepas pakatan pembangkang  
mencapai kemenangan besar pada pili-

**Ini kes baru. Kita tengoklah apa  
pihak polis nak kata. Apa pihak  
kerajaan nak kata**

UM - 30/6/2008

**MAHATHIR  
MOHAMAD**  
Bekas Perdana  
Menteri

han raya umum Mac lalu.

Sementara itu Dr. Mahathir ketika dita-  
nya mengenai perkara yang dibincangkan  
dengan Dr. Haris semasa lawatan itu,  
beliau hanya tersenyum dan berkata beliau  
gembira dapat bertemu kawan lamanya.

“Saya tak sangka dia datang. Beliau  
yang mempelawa saya datang ke sini.

Saya kenal dia lama. Masa berperang  
dulu pun, dia (Dr. Haris) dok datang  
sini.

Kita tolong dia banyak. Itu sebab dia  
kenal,” katanya.

- Bernama